

Kementerian diminta buat kajian terperinci

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan diminta membuat kajian secara terperinci berhubung cadangan memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Wan Marzuki Wan Jaafar berkata, peperiksaan itu penting bagi menilai pencapaian murid di peringkat sekolah rendah.

"UPSR masih penting dan diperlukan untuk menilai tahap pengukuhan akademik terutama dalam subjek sains dan teknologi serta bukan akademik

termasuk kemahiran murid.

"Bagi saya, ia wajar dikekalkan kerana masih relevan bagi penarafan murid untuk belajar dan lebih bersedia sebelum memasuki sekolah menengah," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai gesaan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) supaya UPSR dimansuhkan dalam usaha mentransformasi sistem pendidikan berteraskan penilaian peperiksaan, selain melahirkan murid yang lebih baik.



WAN MARZUKI

Menurut Wan Marzuki, kementerian juga perlu melihat sama ada dasar baharu itu jauh lebih baik daripada sedia ada.

"Kita pun tidak pasti apa yang bakal digantikan dengan UPSR tetapi bila hendak ditransformasikan, mesti ia lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

"Jadi kajian menyeluruh dan terperinci perlu dijalankan untuk melihat kebaikan, kelemahan serta untuk ditambah baik," katanya